



Selamat Datang
Ke Laman Portal
Universiti Putra Malaysia

UTAMA | FAKTA & ANGKA | MEDIA | DIREKTORI KAKITANGAN | LOKASI | PETA LAMAN | SOALAN LAZIM | HUBUNGI KAMI

CARI



Rabu, Februari 27, 2013

MENGENAI KAMI | PENYELIDIKAN | AKADEMIK | JARINGAN | ANTARABANGSA | KEHIDUPAN KAMPUS
PERKHIDMATAN

| A- | A |
A+ | ENGLISH

Berita » Pelajar UPM, Syafiq Ridwan terima Insentif Kecemerlangan KPT



KUALA LUMPUR, 14 Feb– Atlit tenpin boling negara, Mohd Syafiq Ridhwan Abdul Malik dari Universiti Putra Malaysia (UPM), menerima Anugerah Insentif Kecemerlangan Sukan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) daripada Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin pada Majlis Anugerah Kecemerlangan KPT 2012.

Anugerah itu mengiktiraf pencapaiannya yang menjuarai Piala Dunia AMF di Poland Disember lalu dan Terbuka Taiwan pada November 2012.



Syafiq ingin menumpukan perhatian untuk menamatkan pengajiannya di UPM sebelum menyertai Kejohanan Dunia di Las Vegas pada bulan Ogos depan dengan sasaran untuk memenangi dua pingat.

"Saya tidak merasa sebarang tekanan walaupun menjuarai Piala Dunia AMF. Saya ingin terus mengharumkan nama Malaysia di persada dunia dalam sukan tenpin boling," katanya.

Selain daripada insentif kecemerlangan sukan yang diterima oleh lima atlit termasuk Syafiq, seramai 50 pelajar dari UPM telah menerima insentif bagi pencapaian cemerlang mereka di Kejohanan Sukan Universiti-Universiti ASEAN di Vientiane, Laos tahun lalu yang menyaksikan Malaysia muncul sebagai juara keseluruhan dengan pungutan 60 pingat emas.

Berita ni disediakan oleh Stephanie Shalini Sukumaran, 03-89466013

